

**TEKS UCAPAN Y.BHG. DATUK REKTOR
MAJLIS HALUAN SISWA KUTKM SESI 2006/2007**

KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA (KUTKM)

TEMPAT:
**DEWAN BANQUET, SRI NEGERI
AYER KEROH, MELAKA**

TARIKH :
06 JULAI 2006

TEKS UCAPAN REKTOR SEMPENA MAJLIS HALUAN
SISWA KUTKM SESI 2006/2007 BERTEMPAT DI
DEWAN BANQUET, SERI NEGERI, AYER KEROH
PADA 06 JULAI 2006 JAM 9.00 MALAM

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM W.B.T. DAN SALAM SEJAHTERA

Y.B. DATO' MUSTAPA MOHAMED

MENTERI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA

Y.BHG. PROF. DR. ABU BIN ABDULLAH,

TIMBALAN REKTOR (AKADEMIK DAN
PENGANTARABANGSAAN)

Y.BHG. DATUK PROF. MADYA DR. ABU BAKAR BIN
MOHAMAD DIAH,

TIMBALAN REKTOR (PENYELIDIKAN &
PENGGOMERSILAN / INOVASI)

Y.BHG DATO' PROF. DR. MOHD NOR BIN HUSAIN

DEKAN HAL EHWAL PELAJAR

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI,

SETERUSNYA MAHASISWA/I SERTA HADIRIN DAN
HADIRAT YANG SAYA HORMATI.

ALHAMDULILLAH BERSYUKUR KITA KE HADRAT
ALLAH SWT KERANA DENGAN LIMPAH KURNIANYA
DAPAT KITA BERKUMPUL DI DEWAN INI SEMPENA
PERASMIAN MINGGU HALUAN SISWA SESI
2006/2007.

BAGI PIHAK UNIVERSITI, SAYA TERLEBIH DAHULU MENGALUKAN-ALUKAN DAN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH DI ATAS KESUDIAN YB DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, MENTERI PENGAJIAN TINGGI KERANA SUDI HADIR PADA MAJLIS INI DAN MENYAMPAIKAN SEPATAH DUA KATA SERTA SETERUSNYA MERASMIKAN PROGRAM MINGGU HALUAN SISWA PADA MALAM INI. KESUDIAN YB DATO' HADIR PADA MALAM INI TELAH MENYEMARAKKAN SEMANGAT WARGA UNIVERSITI TERUTAMANYA PARA MAHASISWA BARU KUTKM UNTUK TERUS BERUSAHA GIGIH BAGI MENCIPTA KECEMERLANGAN UNIVERSITI.

SAYA JUGA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI TAHNIAH DAN PENGHARGAAN KEPADA SEMUA PARA MAHASISWAI BARU KUTKM KERANA MENJADI GOLONGAN YANG BERTUAH TERPILIH MELANJUTKAN PENGAJIAN DI SINI.

SAUDARA – SAUDARI MENJADI KEUTAMAAN KAMI DI KUTKM INI. PROGRAM MINGGU HALUAN SISWA YANG DIADAKAN MULAI 02 JULAI SEHINGGA 08 JULAI INI ADALAH TANDA KOMITMEN KAMI UNTUK MEMBERI PERKHIDMATAN YANG TERBAIK SERTA MEMBERI MAKLUMAT TERKINI SEBAIK SAHAJA SAUDARA – SAUDARI MENDAFTAR DIRI DI SINI.

PIHAK UNIVERSITI BERHARAP SEMOGA PROGRAM MINGGU HALUAN SISWA YANG DIADAKAN SELAMA SEMINGGU INI OLEH PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI (HEPA) BANYAK MEMBERI PENDEDAHAN KEPADA PARA MAHASISWA SERTA IA MENJADI PLATFORM KEPADA SAUDARA – SAUDARI UNTUK MENYESUAIKAN DIRI DENGAN SUASANA KEHIDUPAN DI UNIVERSITI.

YB DATO'/TUAN/PUAN/PARA MAHASISWA YANG DIHORMATI

KUTKM YANG DITUBUHKAN PADA DISEMBER 2000 SEBAGAI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM YANG KE 14 TELAH MENGALAMI PELBAGAI TRANSFORMASI BAIK DARI SEGI BILANGAN PELAJAR, STAF DAN PROGRAM AKADEMIK YANG DITAWARKAN.

BERMULA DARI PENGAMBILAN PERTAMA SERAMAI 348 ORANG PADA JUN 2001, KINI KUTKM MEMPUNYAI PELAJAR MELEBIHI 5000 ORANG. BEGITU JUGA KUTKM KINI TIDAK SAHAJA MENAWARKAN PENGAJIAN PADA PERINGKAT DIPLOMA DAN IJAZAH TETAPI KINI JUGA PADA PERINGKAT PASCA SISWAZAH IAITU SARJANA DAN DOKTOR FALSAFAH.

BILANGAN STAF JUGA SEMAKIN MENINGKAT. KINI STAF KUTKM BERJUMLAH 1087 ORANG IAITU TERDIRI DARIPADA 482 PERJAWATAN AKADEMIK DAN 605 PERJAWATAN PENTADBIRAN. KUTKM JUGA TELAH MENYUSUN LOKASI

PENGOPERASIANNYA DARI RUMAH KEDAI KEPADA KAMPUS INDUSTRI YANG LEBIH KONDUSIF BAGI TUJUAN PEMBELAJARAN. KESEMUAANYA INI MENUNJUKKAN KEMATANGAN KUTKM UNTUK TERUS MENINGKAT MAJU.

YB DATO'/TUAN/PUAN/PARA MAHASISWA/I YANG DIHORMATI

PEMBANGUNAN KAMPUS TETAP UNIVERSITI DITERUSKAN MELALUI PERUNTUKAN DALAM RMK 9. ANTARA PROJEK PEMBANGUNAN YANG AKAN DITERUSKAN IALAH PEMBINAAN FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI, PUSAT PERKHIDMATAN AKADEMIK, MASJID, KOMPLEKS SUKAN, PUSAT PERSATUAN PELAJAR, PUSAT KOMPUTER, PERPUSTAKAAN, PEJABAT CANSELORI, PENEMPATAN STAF, DEWAN BESAR, KAFETERIA PELAJAR DAN PUSAT UNIVERSITI

INDUSTRI. PEMBANGUNAN INI DIJANGKA HAMPIR SIAP PADA 2008.

APABILA KAMPUS TETAP KUTKM SIAP SEPENUHNYA, INSYAALLAH IA AKAN MEMBERI LEBIH KESELESAAN KEPADA PARA MAHASISWA SUPAYA DAPAT MENUMPUKAN LEBIH PERHATIAN KEPADA PELAJARAN. NAMUN BEGITU DI SEBALIK KEKURANGAN DAN KESUKARAN YANG DIHADAPI HARI INI, IA ADALAH SATU CABARAN KEPADA UNIVERSITI UNTUK MELAHIRKAN MAHASISWA YANG LEBIH KENTAL DAN MATANG.

YB DATO'/TUAN/PUAN/PARA MAHASISWA YANG DIHORMATI

PIHAK UNIVERSITI SENTIASA MENITIK BERATKAN SOAL KUALITI DI DALAM PENDIDIKAN. SEMUA PROGRAM DIPLOMA KEJURUTERAAN YANG

DITAWARKAN OLEH KUTKM TELAH MENDAPAT PENGIKTIRAFAN DARI JABATAN PERKHIDMATAN AWAM. BEGITU JUGA BEBERAPA PROGRAM SARJANA MUDA KEJURUTERAAN TELAH MENDAPAT AKREDITASI DAN PENGIKTIRAFAN DARIPADA JABATAN PERKHIDMATAN AWAM DAN LEMBAGA KEJURUTERAAN MALAYSIA.

DI SAMPING ITU KUTKM JUGA TELAH DIANUGERAHKAN DENGAN SIJIL MS ISO 9001 : 2000 DARIPADA SIRIM DALAM SKOP REKA BENTUK DAN PEMBANGUNAN PENGAJIAN SERTA PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN PENGAJIAN PERINGKAT SARJANA. SEMUA INI PENTING BAGI MEMASTIKAN PIHAK UNIVERSITI SENTIASA MEMENUHI PIAWAIAN YANG TINGGI DALAM MELAHIRKAN GRADUAN YANG BERKUALITI.

YB DATO'/TUAN/PUAN/PARA MAHASISWA YANG DIHORMATI

'MAHASISWA UNGGUL NEGARA TERBILANG' MERUPAKAN HARAPAN YANG DISANDARKAN OLEH MASYARAKAT KEPADA PARA MAHASISWA HARI INI. MEREKA ADALAH HARAPAN NEGARA UNTUK TERUS MEMBAWA KECEMERLANGAN KEPADA BANGSANYA. UNTUK ITU PARA MAHASISWA PERLU MEMBUKTIKAN KECEMERLANGAN MEREKA DALAM SEMUA BIDANG SUPAYA IA DAPAT MEMBERI KEYAKINAN KEPADA MASYARAKAT UNTUK MENJADI BARISAN PELAPIS KEPADA KEPIMPINAN NEGARA.

PARA MAHASISWA PERLU BERUSAHA DENGAN LEBIH GIGIH, TEKUN DAN DEDIKASI BAGI MEREALISASIKAN MATLAMAT INI. UNTUK ITU PIHAK UNIVERSITI AKAN TERUS BERUSAHA UNTUK MELAHIRKAN GRADUAN YANG BERKUALITI TINGGI TIDAK SAHAJA DALAM BIDANG AKADEMIK TETAPI JUGA YANG LEBIH PENTING IALAH MELAHIRKAN

MAHASISWA YANG MATANG SERTA SEIMBANG DARI SEGI MENTAL DAN SPIRITUAL.

PENEKANAN KEPADA ASPEK PEMBENTUKAN PERSONALITI UNGGUL ATAU 'TOWERING PERSONALITY' AKAN MENJADI MATLAMAT UTAMA UNIVERSITI. IA PENTING UNTUK KITA MENERAPKAN NILAI JATI DIRI YANG KUKUH KEPADA MAHASISWA SUPAYA MEREKA LEBIH BERKALIBER, BERWIBAWA DAN DIHORMATI. PARA MAHASISWA SEHARUSNYA BOLEH MENEMPUH ARUS GLOBALISASI YANG SEMAKIN MENUNTUT KEPADA KETAHANAN UNTUK LEBIH BERSAING.

YB DATO'/TUAN/PUAN/PARA MAHASISWA YANG DIHORMATI

SATU PERANCANGAN YANG TELITI DAN DISUSULI DENGAN TINDAKAN YANG TERSUSUN SERTA

PEMANTAUAN YANG BERTERUSAN OLEH PIHAK UNIVERSITI TELAH DIRANGKA BAGI MENCAPAI MATLAMAT MELAHIRKAN MAHASISWA YANG UNGGUL TERSEBUT. PROGRAM DAN AKTIVITI YANG BERSIFAT *SOFT SKILL* SEPERTI PENAMPILAN DIRI, KEPIMPINAN, KEBOLEHAN MENGUASAI BAHASA LAIN TERUTAMANYA BAHASA INGGERIS TELAH DIRANCANG MELALUI PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI. IA AKAN DILAKSANAKAN SEPANJANG TEMPOH PENGAJIAN PARA MAHASISWA DI UNIVERSITI INI.

PARA MAHASISWA PERLU MEMPUNYAI KEINGINAN UNTUK TERUS MAJU DAN TIDAK TERTUMPU TERHADAP PROGRAM YANG DILAKSANAKAN OLEH PIHAK UNIVERSITI SAHAJA. UNTUK TERUS MAJU KE HADAPAN MEREKA PERLU BERUSAHA UNTUK MENAMBAH ILMU DAN MENINGKATKAN DIRI DENGAN PENGETAHUAN LAIN SEPERTI MENGIKUTI LATIHAN DAN KURSUS TAMBAHAN YANG

DISEDIAKAN OLEH PELBAGAI PIHAK SAMA ADA OLEH AGENSI KERAJAAN MAHUPUN SWASTA. PIHAK UNIVERSITI AKAN SENTIASA MEMBERI SOKONGAN DAN BANTUAN APABILA DIPERLUKAN UNTUK PENINGKATAN PEMBANGUNAN DIRI TERSEBUT.

YB DATO'/TUAN/PUAN/PARA MAHASISWA YANG DIHORMATI

SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGINGATKAN KEPADA PARA MAHASISWA BARU KUTKM HARI INI UNTUK MENYAHUT CABARAN MENJADI INDIVIDU CEMERLANG DALAM SEMUA BIDANG SAMA ADA DALAM BIDANG AKADEMIK MAHUPUN KOKURIKULUM. JADIKAN DIRI SAUDARA-SAUDARI SEORANG YANG SANGAT BERHARGA DAN PERMATA BAGI MELETAKKAN NEGARA MALAYSIA SEBAGAI NEGARA TERBILANG.

AKHIR KATA SAYA SEKALI LAGI MERAKAMKAN
TERIMA KASIH KEPADA YB. DATO' MUSTAPA
MOHAMED KERANA MELAPANGKAN MASA PADA
MAJLIS INI. KEPADA SEMUA PARA MAHASISWA
SAYA UCAPKAN SEMOGA MAJU JAYA SEMASA
MENUNTUT DI KUTKM INI. SAUDARA-SAUDARI
ADALAH HARAPAN NEGARA KE ARAH 'MAHASISWA
UNGGUL NEGARA TERBILANG'

SEKIAN TERIMA KASIH.

WABILLAHITAUFIK WAL HIDAYAH
WASALAMUALAIKUM WBT.